

WARTA KERAJAAN

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

Jil. 41

30hb Januari 1997

No.3

AKTA SYARIKAT 1965

(Akta 125)

No.716

ARAHAN MENTERI DI BAWAH SEKSYEN 22(1) DAN 341(1)

Menurut peruntukan seksyen 22(1) dan 341(1) Akta Syarikat 1965, Menteri mengarahkan Pendaftar Syarikat supaya tidak menerima untuk pendaftaran sesuatu nama sesebuah syarikat atau syarikat asing sekiranya nama itu suatu nama ataupun nama daripada jenis yang disebutkan dalam Jadual melainkan kelulusan Menteri telah diperolehi terlebih dahulu.

JADUAL

- (i) Nama-nama yang membayangkan kaitan dengan ahli Keluarga Diraja atau naungan Diraja termasuk nama-nama yang mengandungi perkataan-perkataan seperti "Diraja", "Raja", "Permaisuri", "Putera", "Puteri", "Mahkota", "Raja Muda", "Yang/Maha Mulia".
- (ii) Nama-nama yang membayangkan kaitan dengan sesuatu Jabatan Kerajaan Negeri atau Persekutuan, badan berkanun, pihak berkuasa atau agensi kerajaan atau mana-mana majlis

perbandaran ataupun pihak berkuasa tempatan yang lain termasuk nama-nama yang mengandungi perkataan-perkataan seperti "Persekutuan", "Negeri", "Nasional".

- (iii) Nama-nama yang membayangkan kaitan dengan sesuatu Kerajaan Negara Asean, Komanwel atau kerajaan asing atau dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun dengan mana-mana pertubuhan antarabangsa atau kartel termasuk nama-nama yang mengandungi perkataan-perkataan seperti "ASEAN", "UNESCO", "NATO", "EEC", "OPEC".
- (iv) Nama-nama yang membayangkan kaitan dengan sesuatu parti politik, pertubuhan, kesatuan sekerja, koperasi atau persatuan pembinaan.
- (v) Nama-nama yang termasuk perkataan-perkataan yang berikut atau apa-apa perkataan yang sama maksud dengannya:
 - "Amanah", "Amanah Saham", "Antarabangsa", "Bank", "Bursa", "Bumiputra", "Biro", "Buatan Malaysia", "Dewan Perniagaan dan Perindustrian", "Dewan Pengeluaran", "Eksekutor", "Harga Patut", "Institut", "Insurans", "Jaminan", "Jurubank", "Kewangan", "Khazanah", "Kredit", "Kolej", "Majlis", "Pegguna", "Pelaburan", "Pejabat Pendaftaran", "Pajakan", "Perdana", "Tauliah", "Tabung", "Universiti", "Urusan Bank", "Yayasan".
- (vi) Nama-nama yang termasuk nama diri yang bukannya nama salah seorang pengarah.
- (vii) Nama-nama yang mengelirukan dari segi identiti, jenis, objek-objek atau tujuan-tujuan sesebuah syarikat atau yang mengelirukan dengan apa jua cara lain.
- (viii) Nama-nama yang mencerca atau yang mungkin dianggap menghina oleh orang-orang awam.
- (ix) Nama-nama yang –
 - (a) diterjemahkan daripada nama syarikat atau syarikat asing yang didaftarkan di bawah Akta; atau

- (b) mungkin menyerupai ataupun dikelirukan dengan nama mana-mana syarikat atau syarikat asing lain yang didaftarkan di bawah Akta; atau
- (c) mungkin menyerupai ataupun dikelirukan dengan nama yang telah disimpan bagi tujuan penubuhan suatu syarikat baru atau pendaftaran suatu syarikat asing ataupun bagi tujuan penukaran nama suatu syarikat atau syarikat asing yang didaftarkan di bawah Akta.

2. Pemberitahuan Warta No. 4180 bertarikh 3 Julai 1986 adalah dimansuhkan.

Dibuat 18 Disember 1996.
[PS(R) 166/6 Jld. 8; PN. (PU²) 4/V.]

DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
Dan Hal Ehwal Pengguna